

Tema 3 Kecerdasan Meningkat, Keterampilan Memikat

Tema 4 Waspada Selalu!

Hal. Buku Teks: 27 – 52

PEMAHAMAN

Arahan: Jawab semua soalan dalam Bahagian A, Bahagian B, dan Bahagian C.

BAHAGIAN A Sistem Bahasa dan Pemahaman SP 3.3.2; 5.1.2, 5.1.3; 5.1.4; 5.2.1; 5.6.1

Soalan 1 – 4

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- Masyarakat haruslah menjaga kesihatan dengan _____ agar kekal sihat dan cergas.
 A sebaik-baiknya
 B sedikit-tidakunya
 C seboleh-bolehnya
 D sekurang-kurangnya
- Pegawai kesihatan itu sedang menyampaikan ceramah _____ penyakit berjangkit sempena Kempen Kesihatan.
 A akan
 B pada
 C tentang
 D terhadap

Sudut Bahasa

- Kata sendi nama ialah kata yang digunakan untuk menyambung frasa nama dengan frasa-frasa yang lain dalam ayat.

- Para pengguna hendaklah mematuhi _____ jalan raya untuk mengelakkan kemalangan di jalan raya.
 A arahan-arahan
 B amalan-amalan
 C lambang-lambang
 D peraturan-peraturan
- Syahrul dan rakan-rakannya berasa begitu _____ untuk menyertai aktiviti larian merentas desa itu.
 A hebat
 B teruja
 C kagum
 D bangga

Soalan 5 – 6

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- Program larian bendang yang julung kali diadakan itu akan berlangsung oleh hari Sabtu ini. A
B C
 D Tiada kesalahan.
- Sebelum menunggang basikal, Ahmad dan abangnya pastikan basikal mereka berada dalam keadaan baik supaya dapat berbasikal dengan selamat. A
B C
 D Tiada kesalahan.

Soalan 7

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

- I Kawasan itu agak dalam walaupun hari masih siang.
 II Orang ramai tidak dibenarkan mandi di lombong itu kerana airnya sangat dalam.

- III Doktor itu mempunyai pengetahuan yang *dalam* tentang penyakit itu.
- IV Majlis perasmian Karnival Keselamatan akan bermula *dalam* setengah jam sahaja lagi.
- A I dan II sahaja
- B III dan IV sahaja
- C I, II dan III sahaja
- D II, III dan IV sahaja

8. I Jika ada masa *lapang*, Rizal dan Suresh gemar menunggang basikal.
 II Kanak-kanak itu bermain bola di kawasan yang *lapang*.
 III Tubuh akan berasa *lapang* selepas bersenam dan bersukan.
 IV Atlet negara akan tiba di *lapang* terbang pada pagi esok.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 9 – 10

Bahagian yang bergaris dalam ayat-ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

9. Kes demam denggi yang bertambah dari tahun ke tahun menyebabkan penduduk di kawasan flat itu semakin bimbang.
- A dari setahun ke tahun
 - B daripada tahun ke tahun
 - C daripada tahun ke setahun
 - D dari tahun ke tahun
10. Ayah suka dibawa kami sekeluarga beriadah di taman rekreasi.
- A terbawa beriadah kami sekeluarga
 - B pembawa sekeluarga kami beriadah
 - C membawa kami sekeluarga beriadah
 - D dibawa kami sekeluarga beriadah

Soalan 11

Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

11. **Cikgu Azhar memberitahu Syahmi bahawa latihan badminton akan diadakan pada hari Khamis.**

- A Cikgu Azhar diberitahu oleh Syahmi bahawa latihan badminton akan diadakan pada hari Khamis.
- B Pada hari Khamis, Cikgu Azhar memberitahu Syahmi bahawa latihan badminton akan diadakan.
- C Syahmi diberitahu oleh Cikgu Azhar bahawa latihan badminton akan diadakan pada hari Khamis.
- D Cikgu Azhar dan Syahmi memberitahu bahawa latihan badminton akan diadakan pada hari Khamis.

Soalan 12

Pilih ayat-ayat yang betul.

12. I Murid-murid sedang mendengar ceramah terhadap gangguan seksual.
 II Aktiviti menunggang basikal sungguh baik amat untuk menjaga kesihatan.
 III Firdaus amat gemar bersukan kerana dapat mencergaskan tubuhnya.
 IV Mohd Azizulhasni telah berjaya mengharumkan nama negara pada peringkat antarabangsa dalam acara lumba basikal.
- A I dan II sahaja
 - B III dan IV sahaja
 - C I, II dan III sahaja
 - D II, III dan IV sahaja

Soalan 13

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

13. Peribahasa yang berikut membawa maksud seorang melakukan kesalahan, orang lain pun turut menerima akibatnya, **kecuali**
- A ikan seekor rosakkan ikan setajau.
 - B seperti lebah menghimpun madu.
 - C sebab nila setitik, rosak susu sebelanga.
 - D seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit.

Baca bahan di bawah dengan teliti dan jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Soalan 14 – 17 berdasarkan bahan di bawah.

IBU: (*Terkejut*) Apa Zafar? Kau nak melatih dan mengiringi orang buta berkayak merentasi Tasik Permai?

MUZAFAR: Ya, mak. Tapi bukan orang buta mak, orang cacat penglihatan.

IBU: (*Tegas*) Ah, samalah tu, buta! Tidak, Zafar. Mak tak izinkan kau pergi.

MUZAFAR: Tak boleh, mak. Kan ini tugas saya? Lagipun, ini bukan kumpulan pertama yang saya latih dan iringi berkayak di Tasik Permai itu.

IBU: Ya, memang betul, Zafar. Tapi, sebelum ini, kau cuma menjadi jurulatih dan juruiring orang-orang yang sempurna, bukan orang buta. Mak tak adalah nak bimbang sangat. Tapi, kali ni ...

MUZAFAR: Insya-Allah, mak. Dengan pengalaman dan kepakaran yang ada pada saya, saya tak akan mudah hilang pertimbangan, mak. Saya akan pergi menjalankan tugas, dan kemudian balik semula ke pangkuan mak dengan selamat sejahtera.

IBU: Kau akan tidur dekat sanalah, ya?

MUZAFAR: Ya, mak. Saya akan bersama-sama mereka selama empat hari tiga malam.

IBU: (*Kurang senang*). Empat hari tiga malam? Selalunya, kau cuma tidur dua malam bersama-sama orang yang datang berekspedisi di situ.

MUZAFAR: Kami terpaksa menimbangkan keadaan fizikal mereka, mak. Sebab itulah kami panjangkan sedikit latihan pakej mereka.

Dipetik dan diubah suai daripada drama 'Tenang-tenang Air di Tasik',
antologi *Bintang Hati*, Tingkatan 3,
Kementerian Pendidikan Malaysia

14. Mengapakah ibu tidak mengizinkan Muzafar melatih dan mengiringi orang buta berkayak?

- A Ibunya berasa amat bimbang akan keselamatannya.
- B Muzafar hanya melatih orang yang sempurna.
- C Orang cacat penglihatan tidak pandai berkayak.
- D Ibu tidak suka Muzafar berkayak.

15. Yang berikut merupakan perwatakan Muzafar, **kecuali**

- A amanah. C rasional.
- B penyayang. D tabah.

Muzafar mahu melatih dan mengiringi orang cacat penglihatan berkayak merentasi Tasik Permai.

16. Peribahasa yang paling sesuai untuk menggambarkan situasi di atas ialah

- A bagai emak mandul beranak.
- B bagai menarik rambut di dalam tepung.
- C hidup kayu berbuah, hidup manusia biar berjasa.
- D jalan peliharakan kaki, berkata peliharakan lidah.

17. Antara yang berikut, yang manakah **benar** tentang petikan drama di atas?

- A Muzafar cacat penglihatan.
- B Muzafar ialah jurulatih dan juruiring yang bertanggungjawab.
- C Muzafar akan melatih orang cacat penglihatan berkayak selama dua hari.
- D Muzafar hanya menerima orang yang sempurna untuk menyertai ekspedisi berkayak.